



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN
INDUSTRI BAGI PROJEK PIKM :
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN
KAYU “*TIMBER CERTIFICATION
INCENTIVE PROGRAMME*” (TCIP)**

Disediakan oleh:

**Bahagian Pembangunan Industri
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

Februari 2025

KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0	Tujuan	3
2.0	Latar Belakang	3
3.0	Objektif	3
4.0	Permohonan Program	
4.1	Syarat Permohonan	3 - 4
4.2	Dokumen Permohonan	4 - 5
4.3	Kelulusan Permohonan	5 - 6
5.0	Kaedah Pembiayaan	6
6.0	Dokumen Pengesahan Pelaksanaan Program	8
7.0	Dokumen Untuk Pembayaran (Tuntutan)	8
8.0	Pelanjutan Tempoh Pemerolehan Pensijilan	11
9.0	Tarikh Kuat Kuasa	11
	<u>Lampiran - Lampiran</u>	
	Lampiran A : Borang Permohonan	12 – 16
	Lampiran B : Borang Tuntutan Permohonan Baharu (New)	17
	Lampiran C : Borang Tuntutan Permohonan Pembaharuan (Renewal)	1

TAKRIFAN

Di dalam Garis Panduan (GP) ini, perkataan-perkataan berikut yang digunakan adalah bermaksud seperti dinyatakan di bawah kecuali jika konteksnya menyatakan sebaliknya:-

(a)	“Kayu”	bermaksud Keluaran atau dari mana-mana keluaran yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta 105 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973
(b)	“Syarikat (SP)”	bermaksud Syarikat yang memohon untuk menyertai Program Insentif Pensijilan Kayu “Timber Certification Incentive Programme” (TCIP)
(c)	“Penyedia Latihan (PL)”	bermaksud Syarikat Penyedia Latihan yang dilantik oleh MTIB untuk membantu membangunkan Dokumen Manual Kualiti syarikat di bawah Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(d)	“Wang Deposit”	bermaksud sejumlah wang sebagaimana yang dinyatakan di Klausu 4 Perjanjian ini yang perlu dibayar oleh syarikat kepada MTIB bagi maksud Program tersebut
(e)	“Perjanjian”	bermaksud Dokumen Perjanjian yang dimeterai di antara Syarikat dan MTIB.
(f)	“Program”	bermaksud Program Insentif Pensijilan Kayu “Timber Certification Incentive Programme (TCIP)
(g)	“PEFC”	bermaksud Programme for the Endorsement of Forest Certification
(h)	“CoC MTCS”	bermaksud Chain of Custody (CoC) Certification under Malaysian Timber Certification Scheme
(i)	“FSC”	bermaksud Forest Stewardship Council
(j)	“JKTK”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kerja Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(k)	“JKT”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(l)	“JKP”	bermaksud Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Insentif Pensijilan Kayu “ <i>Timber Certification Incentive Programme</i> ” (TCIP)
(m)	“PPEE/PKA”	bermaksud Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi/ Penolong Khidmat Awam
(n)	“KEW”	bermaksud Bahagian Kewangan MTIB.

**GARIS PANDUAN PENYERTAAN INDUSTRI BAGI PROJEK PIKM :
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
“TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP)**

1.0 TUJUAN

Dokumen Garis panduan ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi menggariskan proses kerja permohonan penyertaan syarikat bagi projek PIKM iaitu Program Insentif Pensijilan Kayu atau “*Timber Certification Incentive Programme*” (TCIP).

2.0 LATARBELAKANG

Projek ini telah mendapat kelulusan dari Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) pada 5 Disember 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1.575 juta untuk tempoh pelaksanaan selama tiga tahun mulai Januari 2024 hingga Disember 2026.

3.0 OBJEKTIF

Pelaksanaan projek ini adalah untuk meningkatkan bilangan pemegang sijil “*Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*” atau Chain of Custody (CoC) Certification under Malaysian Timber Certification Scheme (CoC MTCS) dan Forest Stewardship Council (FSC) di kalangan industri kayu-kayan di Semenanjung Malaysia dalam sub-sektor kilang papan, papan lapis, kayu kumai & “*Building Carpentry and Joinery (BJC)*”, perabot, pengeksport dan lain-lain keluaran kayu. Dengan pertambahan bilangan pemegang sijil, dengan sendirinya akan meningkatkan pengeluaran kayu yang berstatus *certified* yang mana menjadi keutamaan ke atas permintaan produk kayu pada masa ini samada untuk tujuan eksport atau domestik.

4.0 PERMOHONAN PROGRAM

4.1 Syarat-syarat Permohonan

4.1.1 Permohonan ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat perkayuan yang ingin membuat permohonan **kali pertama** atau **pembaharuan** pensijilan PEFC/ FSC.

4.1.2 Syarikat pemohon program hendaklah:-

- i. Merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta197]
- ii. Berdaftar di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105];
- iii. Telah beroperasi sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** dalam bidang pengeluaran produk berasaskan kayu;
- iv. Syarikat tidak digulungkan atau dalam proses penggulungan / perniagaan masih wujud dan semua pengarahnya / pemilik bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses kebangkrapan;
- v. Syarikat - syarikat perkayuan beroperasi di Semenanjung Malaysia sahaja.

4.2 Dokumen Permohonan

4.2.1 Syarikat **Baharu (New)** perlu memajukan dokumen – dokumen berikut:-

- i. Borang Permohonan TCIP yang lengkap boleh diperolehi di:-
 - a) Laman sesawang MTIB di <https://www.mtib.gov.my>
 - b) Bahagian Pembangunan Industri, Ibu Pejabat MTIB;
 - c) Edaran semasa taklimat program; atau
 - d) Pejabat MTIB Wilayah / Negeri
- ii. Salinan carian Status Penggulungan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;

- iii. Salinan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem *SSM e-info* Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iv. Salinan Sijil Pendaftaran dengan MTIB yang masih sah.

4.2.2 Bagi permohonan **Pembaharuan (*Renewal*)** syarikat perlu mengemukakan kesemua dokumen seperti yang disenaraikan di bawah:-

- i) Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;
- ii) Salinan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem *SSM e-info* Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iii) Salinan Sijil Pendaftaran dengan MTIB yang masih sah.
- iv) Salinan sijil dari **Badan Pensijilan (PEFC/FSC)** yang masih sah dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan.

4.2.4 Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada MTIB di alamat:-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13-17 Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur

u.p : Unit Sokongan Industri & Verifikasi
Bahagian Pembangunan Industri

4.3 **Kelulusan Permohonan**

4.3.1 Permohonan yang diterima akan disemak, diteliti, disyor dan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan melalui jawatankuasa yang berkaitan.

4.3.2 Syarikat yang berjaya akan dimaklumkan melalui **Surat Tawaran** yang dikeluarkan oleh MTIB. Syarikat perlu memulangkan **Surat**

Penerimaan Tawaran beserta **Resit bayaran deposit** kepada MTIB. Sebarang keputusan yang dibuat oleh MTIB adalah **MUKTAMAD**.

- 4.3.3 Setiap permohonan yang diluluskan akan dikenakan deposit (cagaran) sebanyak **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja)**.
- 4.3.4 Deposit ini hendaklah dibayar secara pemindahan elektronik (*Electronic Fund Transfer*) dalam tempoh **14 hari** bekerja daripada tarikh Surat Tawaran dikeluarkan oleh MTIB ke akaun :-

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Maybank Berhad - No. Akaun 514404801242

- 4.3.5 Deposit ini akan dikembalikan kepada syarikat setelah berjaya mendapat pensijilan dengan mengemukakan tuntutan kepada MTIB bersama-sama sijil (PEFC/FSC) yang telah diperolehi. Sekiranya syarikat gagal meneruskan aktiviti pemerolehan pensijilan, wang deposit berkenaan tidak akan dikembalikan.
- 4.3.6 MTIB berhak membatalkan permohonan syarikat sekiranya didapati memberi maklumat palsu dan meragukan serta mempunyai kepentingan dengan pihak syarikat penyedia latihan.

5.0 KAEDAH PEMBIAYAAN

5.1 Permohonan Baharu (New)

5.1.1 Pengauditan

- a) MTIB akan menyediakan insentif kepada syarikat pemohon bagi tujuan pensijilan dengan jumlah tuntutan **maksimum RM6,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ribu Sahaja)** atau **60% (yang mana TERENDAH)** oleh Badan Pensijilan (Certification Body). Syarikat pemohon perlu mendahulukan

bayaran keseluruhan kos pengauditan kepada Badan Pensijilan.

- b) Syarikat pemohon diberi tempoh selama **dua belas (12)** bulan untuk pembangunan dokumen manual kualiti dan memperoleh sijil daripada Badan Pensijilan.

5.1.2 Dokumentasi dan Latihan

MTIB akan menyediakan insentif kepada syarikat pemohon bagi perkhidmatan Penyedia Latihan untuk item-item seperti berikut:-

- i) **RM7,000.00** – Kerja-kerja Pembangunan Dokumentasi dan Latihan;
- Fasa 1 – Penyediaan Laporan Awal - 20%
 - Fasa 2 – Penyediaan Laporan Interim - 30 %
 - Fasa 3 – Penyediaan Laporan Akhir - 30 %
 - Fasa 4 –Penganugerahan Sijil – 20%
- ii) **RM3,000.00** - Tuntutan Perjalanan "Out of Pocket Expenses"

Manakala baki kos Dokumentasi dan Latihan akan ditanggung oleh pihak syarikat.

- 5.1.3 Syarikat perlu memaklumkan secara bertulis mengenai tarikh pengauditan oleh Badan Pensijilan (*Certification Body*) kepada MTIB.

5.2 Permohonan Pembaharuan (*Renewal*)

- 5.2.1 MTIB akan menyediakan insentif kepada syarikat pemohon bagi tujuan pembaharuan pensijilan dengan jumlah tuntutan maksimum sebanyak **RM6,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ribu Sahaja) atau 60% (yang mana TERENDAH)** oleh Badan Pensijilan (*Certification Body*). Manakala baki kos pengauditan akan ditanggung oleh pihak syarikat.

- 5.2.2 Syarikat perlu memaklumkan secara bertulis mengenai tarikh pengauditan oleh Badan Pensijilan (*Certification Body*) kepada MTIB.
- 5.2.3 Syarikat pemohon diberi tempoh selama **enam (6) bulan** untuk memperoleh sijil daripada Badan Pensijilan.

5.3 **Perkhidmatan Verifikasi Kayu (Timber Verification Services (TVS))**

- 5.3.1 MTIB akan menyediakan insentif tuntutan perjalanan (T&T) kepada pegawai MTIB yang melaksanakan perkhidmatan TVS kepada syarikat-syarikat perkayuan yang memohon perkhidmatan tersebut di Semenanjung Malaysia.
- 5.3.2 Syarikat pemohon perlu membayar perkhidmatan TVS mengikut kadar yang ditetapkan melalui prosedur kerja oleh MTIB.
- 5.4 MTIB berhak melakukan pemeriksaan pada bila – bila masa di premis syarikat.
- 5.5 Penyedia Latihan yang dipilih oleh syarikat hendaklah merupakan salah satu Syarikat dalam senarai MTIB.
- 5.6 Syarikat **DIWAJIBKAN** memilih hanya **satu (1)** Penyedia Latihan dan **TIDAK** dibenarkan menukar Penyedia Latihan sepanjang tempoh perjanjian program.
- 5.7 Ketidakpatuhan syarikat terhadap syarat-syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat dibatalkan permohonan dan wang deposit tidak akan dikembalikan kepada syarikat.
- 5.8 Syarikat tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan (*Conflict of Interest*) dengan penyedia latihan. Contoh : Sebarang hubungan kekeluargaan, agen, duta, wakil jualan dana / atau pekerja syarikat/ Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau lain – lain hubungan yang mengaitkan syarikat dengan Penyedia latihan.

- 5.9 Sebarang isu yang timbul di antara syarikat dan Penyedia Latihan adalah diluar tanggungjawab MTIB.

6.0 DOKUMEN PENGESAHAN PELAKSANAAN PROGRAM

6.1 Permohonan Baharu (New)

- 6.1.1 Satu perjanjian akan ditandatangani di antara **syarikat pemohon dan MTIB** setelah Surat Penerimaan Tawaran dan bayaran deposit daripada syarikat diterima oleh MTIB.
- 6.1.2 Perjanjian berkaitan perlu dikembalikan kepada MTIB dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh dokumen tersebut diserahkan melalui pos /perkhidmatan kurier / serahan tangan.
- 6.1.3 Sebarang kos dan duti setem akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat pemohon.
- 6.1.4 Tiada permohonan program yang diluluskan oleh MTIB boleh dibuat sehingga perjanjian telah lengkap ditandatangani terlebih dahulu.

6.2 Permohonan Pembaharuan (Renewal)

- 6.2.1 MTIB akan mengemukakan Surat Penerimaan Tawaran kepada syarikat pemohon setelah permohonan diluluskan. Syarikat pemohon hendaklah menandatangani dan mengembalikan Surat Penerimaan Tawaran dan **Resit bayaran deposit** tersebut kepada MTIB sebagai pengesahan rasmi penerimaan tawara

7.0 DOKUMEN UNTUK PEMBAYARAN (TUNTUTAN)

- 7.1 Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut setelah syarikat berjaya menerima pensijilan oleh Badan Pensijilan yang berkaitan. Kesemua dokumen hendaklah diakui **sah salinannya (certified true copy)** oleh syarikat.

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti di **Lampiran B (New)** dan **Lampiran C (Renewal)**.

8.0 PELANJUTAN TEMPOH PEMEROLEHAN PENSIJILAN

- 8.1 Syarikat pemohon perlu mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh masa sekurang-kurangnya dua (2) bulan awal sebelum tamat tempoh perjanjian.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Februari 2025**.

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Industri
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

LAMPIRAN A

**BORANG PERMOHONAN
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
“TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP)**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Bahagian Pembangunan Industri
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur

SILA BACA DENGAN TELITI SEBELUM MENGISI BORANG

Pernah Menerima Bantuan Dari MTIB	Jika Ya : Jenis Bantuan / Program : 1 2 3
--	---

BAHAGIAN 1 : JENIS PERMOHONAN

1.1 Sila tanda (✓)

Pembaharuan (<i>Renewal</i>)	
Permohonan Baharu (<i>New</i>)	

1.2 Jenis Pensijilan Yang Dipohon (Sila pilih (✓) satu (1))

Malaysian Timber Certification Scheme/ Programme for the Endorsement of Forest Certification (MTCS/PEFC)	
Forest Stewardship Council (FSC)	

BAHAGIAN 2 : LATARBELAKANG SYARIKAT

2.1	Nama Syarikat / Perniagaan	
2.2	No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan	
2.3	Jenis Keluaran Produk	

2.4	Tarikh Mula Operasi						
2.5	Saiz Syarikat / Perniagaan	Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan:-					
		MIKRO		KECIL		SEDERHANA	
		Nota: i. Sederhana : Jualan Tahunan daripada RM 15 Juta hingga RM 50 Juta atau Pekerja daripada 75 orang hingga 200 orang, ii. Kecil : Jualan Tahunan daripada RM 300 Ribu hingga RM 15 Juta atau Pekerja daripada 5 orang hingga 75 orang, iii. Mikro : Jualan Tahunan kurang daripada RM 300 Ribu atau Pekerja kurang 5 orang *Sumber SME Corp					
2.6	Alamat Syarikat / Perniagaan						
2.7	Pemilikan Saham Syarikat	TARAF		PERATUS (%)			
		Milik Warganegara Malaysia					
		Ekuiti Asing					
		JUMLAH					
2.8	Pegawai Dihubungi	i. Nama : ii. No. Kad Pengenalan : iii. No. Telefon (Pejabat) : iv. No. Telefon (Bimbit) : v. Emel :					
2.9	Pekerja	BAHAGIAN	PEKERJA MALAYSIA	PEKERJA ASING	JUMLAH		
		Pengurusan					
		Teknikal Dan Penyeliaan					
		Jualan, Perkeranian & Lain-Lain					
		Operator Pengeluaran					
		JUMLAH					

2.10	Pensijilan (Jika ada)	SKIM PENSIJILAN		TEMPOH SAH
		Malaysian Timber Certification Scheme / Programme for the Endorsement of Forest Certification (MTCS/PEFC)		
		Forest Stewardship Council (FSC)		
		Sila nyatakan sekiranya ada selain di atas:-		
2.11	Pasaran	Sila tandakan (✓) di ruang yang berkenaan:-		
		TEMPATAN		EKSPORT
		Terbuka	Kerajaan	

BAHAGIAN 3 : PERAKUAN PENGARAH SYARIKAT / PEMILIK PERNIAGAAN

- 3.1 Saya No.KP:.....
 Selaku.....Syarikat.....
 No. Pendaftaran Syarikat..... yang
 beroperasi di premis beralamat.....

 dengan ini mengesahkan segala
 dokumen, maklumat dan/atau rekod yang disertakan ini adalah benar.
- 3.2 Saya bersetuju bahawa permohonan saya ini akan dipertimbangkan oleh MTIB berdasarkan syarat-syarat dan terma Program.
- 3.3 Saya memahami dengan jelas bahawa semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh MTIB.
- 3.4 MTIB tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu permohonan.
- 3.5 Saya tidak akan menarik diri dan akan memberikan kerjasama kepada MTIB dalam tempoh perjanjian berkuat kuasa.
- 3.6 Saya mengaku tidak menerima apa – apa bentuk bantuan dalam bentuk geran daripada mana – mana Agensi / organisasi yang lain untuk pembiayaan yang sama yang dipohon daripada MTIB.

- 3.7 Saya mengaku segala maklumat yang diberikan adalah benar dan sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu dan meragukan, MTIB berhak untuk membatalkan permohonan yang telah diluluskan. MTIB juga berhak mendapatkan semula bayaran yang telah dilakukan oleh MTIB.
- 3.8 Saya mengakui bahawa tidak mempunyai sebarang kepentingan (*conflict of interest*) atau berpakat dengan syarikat Penyedia Latihan bagi memalsukan permohonan saya kepada MTIB.
- 3.9 Sekiranya saya enggan, cuai, abai dan / atau tidak jujur untuk melaksanakan permohonan yang telah dicadangkan selepas kelulusan, saya mengakui dan mengesahkan bahawa MTIB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan oleh saya kelak.
- 3.10 MTIB berhak membatalkan kelulusan yang telah diberikan tanpa memberi sebarang alasan dan sebab. MTIB tidak akan membayar sebarang pampasan atau ganti rugi yang ditanggung oleh saya.

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Cap Rasmi Syarikat :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Tandatangan :

Alamat :



**BORANG PERMOHONAN
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
(TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME (TCIP))**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Bahagian Pembangunan Industri
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur

SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Senarai semak dan salinan dokumen di bawah perlu dilampirkan bersama **BORANG PERMOHONAN** bagi memastikan kelancaran proses penilaian. Sebarang keperluan bagi dokumen tambahan atau sokongan akan dimaklumkan.

Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan.

BIL.	PERKARA	SYARIKAT	MTIB
1.	Salinan Pendaftaran Syarikat Di Bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] Atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta197].		
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Dengan MTIB Yang Masih Sah .		
3.	Salinan Carian Lengkap Profil Syarikat (Terkini) Daripada Sistem SSM E-Info Suruhanjaya Syarikat Malaysia.		
4.	Salinan Carian Status Penggulangan Syarikat Dan Status Kebankrapan Individu Semua Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan (Yang Terkini) Daripada Jabatan Insolvency Malaysia.		
5.	*Salinan Sijil Dari Badan Pensijilan (PEFC/FSC) Yang Masih Sah Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan Dari Tarikh Permohonan.		

Nota:

**Hanya untuk Permohonan Pembaharuan (Renewal)*

LAMPIRAN B

**BORANG TUNTUTAN
PERMOHONAN BAHARU (*NEW*) BAGI PROJEK PIKM
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
“TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME” (TCIP)**

Daripada : -----

Kepada : Ketua Pengarah
Malaysian Timber Industry Board (MTIB)
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.
[u. p. : Unit Sokongan Industri dan Verifikasi
Cik Sarah Najwa Mohd Masri (sarah.najwa@mtib.gov.my)
En. Reza Faidzal Md.Daud (reza@mtib.gov.my)

Nama Syarikat : _____

No. Surat Rujukan MTIB : _____

BIL.	PERKARA (JENIS PERKHIDMATAN)	SILA TANDA (✓)	CATATAN
1.	Surat Penerimaan Tawaran MTIB		
2.	Salinan Resit Bayaran Yang Diakui Sah Oleh Badan Pensijilan (CB)		
3.	Satu (1) Salinan Sijil Daripada Badan Pensijilan (CB)		
	<i>a) Malaysian Timber Certification Scheme / Programme Endorsement for the Forest Certification (MTCS/PEFC)</i>		
	<i>b) Forest Stewardship Council (FSC)</i>		

Nama :

Cop Syarikat:

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tindakan/Ulasan (PBPI/TPBPI) : _____

Nama :

Jawatan :

LAMPIRAN C

**BORANG TUNTUTAN PERMOHONAN
PEMBAHARUAN (RENEWAL) BAGI PROJEK PIKM
PROGRAM INSENTIF PENSIJILAN KAYU
"TIMBER CERTIFICATION INCENTIVE PROGRAMME" (TCIP)**

Daripada : -----

Kepada : Ketua Pengarah
Malaysian Timber Industry Board (MTIB)
Tingkat 13 – 17, Menara PGRM,
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.
[u. p. : Unit Sokongan Industri dan Verifikasi
Cik Sarah Najwa Mohd Masri (sarah.najwa@mtib.gov.my)
En. Reza Faidzal Md.Daud (reza@mtib.gov.my)]

Nama Syarikat : _____

No. Surat Rujukan MTIB : _____

BIL.	PERKARA (JENIS PERKHIDMATAN)	SILA TANDA (✓)	CATATAN
1.	Surat Penerimaan Tawaran MTIB		
2.	Satu (1) salinan bercetak dalam bentuk binding Manual Kualiti/ <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) syarikat dan satu (1) salinan softcopy		
3.	Salinan resit bayaran yang diakui sah oleh Badan Pensijilan (CB)		
4.	Satu (1) salinan sijil daripada Badan Pensijilan (CB)		
	a) <i>Malaysian Timber Certification Scheme / Programme Endorsement for the Forest Certification</i> (MTCS/PEFC)		
	b) <i>Forest Stewardship Council</i> (FSC)		

Nama :
Tarikh :

Cop Syarikat :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tindakan/Ulasan (PBPI/TPBPI) : _____

Nama :

Jawatan